



DARI KIRI, Prof. Dr. Daing Nasir Ibrahim; Prof. Akira Iwabuchi; Prof. Guiling Ning dan Prof. Kim Taeil berpegangan tangan selepas menandatangani MoU melibatkan kerjasama pendidikan dan penyelidikan antarabangsa berkaitan acuan tekap Asia di Kuantan, Pahang.



Kongsi kepakaran dalam teknologi acuan tekap

Kerjasama UMP dengan tiga universiti di Asia

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan peneraju Pusat Kecemerlangan Industri (iCoE) dalam acuan tekap di negara ini, mengorak langkah ke hadapan apabila mengadakan kerjasama dengan tiga buah universiti di luar negara bagi bidang tersebut.

Penglibatan tiga universiti iaitu Dalian University of Technology China (DUTC), Iwate University Japan (IUJ) dan Hanbat National University Korea (HNUK) bertujuan mewujudkan konsortium antarabangsa bagi menyelaraskan hubungan antara universiti dan industri acuan tekap di rantai Asia.

UMP merupakan satu-satunya universiti di Malaysia dipilih bagi menjalinkan kerjasama pendidikan serta penyelidikan antarabangsa berkaitan bidang tersebut.

Majlis menandatangani dokumen memorandum persefahaman (MoU) dihadiri Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Presiden DUTC, Prof. Guiling Ning.

Manakala IUJ diwakili Timbalan Presiden, Prof. Akira Iwabuchi dan Pengarah Industri Tabung Kerjasama Universiti Industri HNUK, Prof. Kim Taeil.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof. Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC), Dr. Abdul Adam Abdullah.

Sempena pemeteraian MoU tersebut turut diadakan simposium antarabangsa bagi membincangkan perkembangan bidang acuan tekap dalam kalangan peserta konsortium.

Simposium itu menampilkan dua pensyarah UMP untuk membincangkan perkara tersebut iaitu Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Pasca Siswazah Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Dr. Ahmad Razlan Yusoff dan Ketua iCoE AEC, Dr. Syarifah Nur Aqida Syed Ahmad.

Menurut Daing Nasir, kerjasama itu memberi pengiktirafan kepada UMP yang akan membawa kelebihan kepada universiti terutama dalam pembangunan penyelidikan dan program pertukaran penuntut melibatkan universiti-universiti tersebut.

"Penglibatan awal UMP dengan konsortium ini bermula sejak tiga tahun lalu apabila satu MoU dimeterai dengan Iwate University Jepun melibatkan AEC bagi memperkasakan bidang acuan tekap di Malaysia," katanya.

Daing Nasir berkata, kerjasama ini dijangka dapat mengembangkan industri pembuatan tempatan dengan meminimalkan bilangan pengambilan tenaga asing serta mengurangkan kebergantungan kepakaran dari luar negara.

Beliau berkata, keupayaan tenaga mahir tempatan dalam pembuatan acuan ini turut meningkatkan industri lain dengan melibatkan komponen kenderaan, pemesinan dan teknologi plastik yang menyokong ke arah perkembangan industri automotif negara.

Jelasnya, UMP turut melantik Prof. Dr. Iwabuchi dan Prof. Dr. Nishimura sebagai profesor tamu di universiti ini.